



## KENYATAAN MEDIA

19 JULAI 2019

---

### IRM DAN UiTM MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN

---

**Shah Alam, 19 Jul 2019** – Menyedari akan kepentingan keterlibatan mahasiswa di dalam bidang kemanusiaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengambil langkah proaktif bekerjasama dengan Islamic Relief Malaysia (IRM) bagi memenuhi hasrat tersebut.

Dalam satu majlis menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman, UiTM dan IRM mencapai kata sepakat apabila kedua-dua pihak bersetuju memperkasakan aktiviti kemanusiaan di kalangan pelajar serta kakitangan UiTM.

Memorandum Perjanjian Persefahaman itu ditandatangani oleh Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dr Ir Mohd Azraai Kassim manakala IRM diwakili oleh Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Prof. Dr. Azni Idris.

Prof. Dr. Azni Idris menekankan bahawa IRM akan sentiasa menjadi jambatan penghubung antara penyumbang, sukarelawan, rakan kerjasama dan pelbagai pihak lagi dengan penerima manfaat.

“IRM menyediakan pelbagai platform antaranya bidang kesukarelawanan yang lebih sinonim dalam kalangan mahasiswa untuk dijadikan kerjaya pada masa hadapan.

“Mereka akan didedahkan dengan pelbagai kisah realiti kehidupan masyarakat dan pengalaman berharga agar mereka dapat mendalam dan memahami makna kemanusiaan yang sebenar,” katanya ketika berucap.

Prof Mohd Azraai berkata “UiTM percaya bahawa nilai-nilai kemanusiaan adalah merupakan satu sifat yang amat penting untuk ditanam dalam diri seseorang mahasiswa yang holistik. Nilai seperti ini akan membantu untuk melahirkan seorang insan yang bukan sahaja merupakan seorang ahli intelek tetapi juga mempunyai jiwa nurani yang tinggi, oleh yang demikian UiTM amat menggalakkan penglibatan semua pelajar dalam aktiviti bersifat kemanusiaan ini. Tenaga kerja serta ahli kepada sebuah masyarakat yang bertamadun perlulah seimbang dari segi minda dan jiwa mereka.

Menerusi kerjasama ini, diharapkan ia dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak dalam melahirkan graduan yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik bahkan juga sahsiah, sekaligus mewujudkan dunia yang prihatin selari dengan visi IRM.

Bagi pihak UiTM, menyahut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memartabatkan peranan universiti untuk Komuniti, kolaborasi di antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Islamic Relief Malaysia (IRM) akan meningkatkan lagi peranan UiTM bukan sahaja dari segi pendidikan dan kajian, malah ruang kerjasama dalam aktiviti kemanusiaan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Naib Canselor dan UiTM melihat kerjasama ini sebagai satu wadah untuk UiTM membuka lebih ruang dan peluang untuk melahirkan warga akademik dan bukan akademik mahupun mahasiswa mahasiswi yang mempunyai keseimbangan dari segi intelek dan kepekaan terhadap diri dan persekitaran. Ini amat dititikberatkan memandangkan suasana era IR 4.0 yang akan di pacu oleh teknologi canggih yang dijangka akan mengurangkan interaksi manusia dengan manusia.

---

### **Mengenai Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang ditubuhkan semenjak tahun 1956 dengan pusat pentadbirannya di Shah Alam, Selangor adalah bermatlamat untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang. Hampir 820,000 graduan UiTM yang dihasilkan telah memenuhi pelbagai keperluan kerjaya profesional di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Antara kejayaan warga dan alumni UiTM termasuklah mendaki Everest, menjelajah Antartika, menghantar satelit ke angkasa lepas, merungkai DNA Melayu, memenangi pelbagai pertandingan koir antarabangsa, menerajui jawatan tertinggi kerajaan dan mengetuai pelbagai syarikat multinasional. Dengan hampir 520 program dari 26 fakulti dan pusat pengajian di 35 kampus seluruh Malaysia, UiTM adalah sebuah universiti komprehensif yang komited kepada transformasi demi memastikan kelestarian organisasi. Maklumat lanjut layari <http://www.uitm.edu.my/>

### **Mengenai Islamic Relief (IR)**

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan).

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

**MBSB Bank | 1005 0251 0000 0166**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,

Ketua Pegawai Eksekutif

Islamic Relief Malaysia

---

- Tamat-

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media:**

**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W  
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,  
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau

emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)

Aduan atau maklum balas: [feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my](mailto:feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my)/Whatsapp:  
+60196379788

**PM Fairoz Hj Salleh**

Ketua Pusat Komunikasi ICAEN

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Emel: [fairoz@salam.uitm.edu.my](mailto:fairoz@salam.uitm.edu.my)

HP: +0196228051